

BAB 1

PENGENALAN

Latar belakang

Kajian ini melihat tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tahun satu di Institut Profesional Baitulmal (I.P.B) yang mengambil kursus profesional 'The London Chamber of Commerce & Industry" atau LCCI . Kajian ini dirasakan perlu, memandangkan terdapatnya beberapa laporan di dalam akhbar tentang pencapaian pelajar yang kurang memuaskan di institusi ini. (*Utusan Malaysia 16/4/97, 10/6/97 dan 1/7/97*), (Lampiran A).

Prestasi pelajar yang kurang baik telah memberi persoalan kepada banyak pihak terutama ibubapa pelajar-pelajar itu sendiri tentang kebolehan institut ini mengendalikan kursus-kursus berbentuk profesional. Bagi mengupas persoalan sebenar yang berlaku, penyelidik yang juga salah seorang tenaga pengajar di institut ini akan cuba untuk membuat satu kajian khusus tentang punca-punca kelemahan pencapaian pelajar-pelajar di institut ini. Setakat ini belum ada lagi kajian yang dijalankan untuk melihat permasalahan yang telah mempengaruhi pencapaian keputusan peperiksaan mereka.

Penyelidik berpendapat bahawa pencapaian pelajar yang merosot adalah disebabkan beberapa faktor luaran dan dalaman yang mengganggu penumpuan pelajar-pelajar ini untuk mendapat kejayaan di dalam peperiksaan. Dengan mengkaji faktor-faktor gangguan ini, penyelidik berharap akan mendapat satu

rumusan tentang permasalahan sebenar mereka dan seterusnya menggunakan hasil dapatan kajian untuk meningkatkan prestasi/pencapaian keseluruhan pelajar-pelajar ini.

1.1 Pernyataan Masalah

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tahun satu yang mengambil kursus profesional. Kursus profesional yang ada ditawarkan di institut ini, ialah 'The London Chamber of Commerce and Industries' (LCCI), 'The Institute of Chartered Secretaries and Administrators' (ICSA) dan 'The Chartered Association of Certified Accountant' (ACCA). Bagi tujuan kajian, penyelidik akan memfokus kepada kursus LCCI sahaja kerana kursus ini mempunyai bilangan pelajar tahun satu yang ramai. Bilangan pelajar yang lebih besar boleh memperlihatkan jenis masalah yang khusus yang dihadapi oleh berlainan individu yang secara langsung memberi kesan kepada pencapaian akademik mereka. Adalah penting untuk memahami jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini kerana ianya akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka secara langsung atau tidak langsung. Dengan adanya kajian ini, pihak pentadbir dan pengurusan akan dapat menanggani masalah-masalah yang timbul dan sekaligus meningkatkan tahap pencapaian pelajar ke arah yang lebih baik dan bermutu.

Adalah menjadi harapan penyelidik agar kajian ini dapat membantu pihak pentadbir institusi ini, guru-guru serta ibu bapa dalam memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh para remaja. Semuga kajian ini dapat memberikan

satu bentuk garis panduan yang dapat dirujuk bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan dan juga untuk meningkatkan prestasi akademik mereka di masa akan datang.

1.2 Tujuan Dan Objektif-Objektif Kajian.

Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis-jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tahun satu yang mengambil kursus profesional LCCI di I.P.B. Secara khususnya pula, penyelidik akan membahagikan jenis-jenis masalah ini kepada 3 bahagian utama iaitu :

- i) Masalah akademik yang berkaitan dengan pelajaran/kursus, kerjaya masa depan, bilik darjah, buku teks dan guru.
- ii) Masalah peribadi melihat tentang masalah berkaitan dengan kewangan, agama , kaum dan psikologi.
- iii) Masalah sosial melibatkan aspek-aspek keluarga, pergaulan lain jantina (intrapersonal), percintaan dan rakan sebaya.

1.3 Soalan-Soalan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini akan memberi penumpuan khusus di dalam beberapa persoalan iaitu :-

1. Apakah jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar di dalam aspek akademik ?
2. Apakah jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar di dalam aspek peribadi ?
3. Apakah jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar di dalam aspek sosial ?
4. Apakah terdapat perbezaan masalah yang ketara di antara pelajar lelaki dan perempuan (perbezaan jantina) bagi setiap masalah yang disenaraikan.

1.4 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan-batasan tertentu seperti berikut ;

1. Kajian ini dibuat ke atas salah sebuah institusi swasta di bandar. Keadaannya mungkin berlainan jika dibandingkan dengan institusi-institusi swasta lain yang terdapat di dalam dan di luar bandar. Dengan ini, dapatan darinya tidak dapat dianggap mewakili semua institusi-institusi di dalam bandar.
2. Bidang kajian ini melibatkan masalah 30 orang pelajar tahun satu yang mengambil kursus profesional di institusi ini sahaja. Oleh yang demikian dapatan kajian ini tidak menggambarkan secara menyeluruh tentang permasalahan sebenar semua pelajar di tahun 2, 3 dan 4 .
3. Kajian ini hanya melihat kepada satu kursus profesional sahaja iaitu kursus 'The London Chamber of Commerce Industry ' (LCCI). Kursus ini merupakan kursus yang menjadi pilihan pelajar lepasan SPM. Kursus-kursus lain yang ditawarkan seperti ' The Institute of Chartered Secretaries and Administrators' (ICSA) dan 'The Chartered Association of Certified Accountants' (ACCA) tidak dipilih kerana bilangan pelajar tahun satunya agak sedikit berbanding dengan kursus LCCI.
4. Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar bumiputra beragama Islam. Institut Profesional Baitulmal hanya mengambil pelajar-pelajar yang beragama Islam untuk mengikuti kursus-sursus yang ditawarkan di institut ini. Oleh yang demikian, dapatan kajian tidak dapat menggambarkan masalah yang dialami oleh semua remaja berbagai bangsa.

1.5 Definisi Istilah/Peristilahan

Latarbelakang Institut Profesional Baitulmal (I.P.B).

Institut Profesional Baitulmal (I.P.B) merupakan satu institut pengajian tinggi swasta yang menawarkan kursus-kursus profesional dan juga mengendalikan program francais dengan Institut Teknologi Mara (I.T.M). Ianya diasaskan pada bulan April 1992, bertujuan untuk memberi kemudahan pendidikan tinggi yang bercorak profesional kepada orang-orang Islam bagi keperluan sumber tenaga manusia.

Pada awal penubuhannya, I.P.B mempunyai 50 orang pelajar tetapi kini terdapat 712 orang pelajar sepenuh masa. I.P.B menawarkan tiga kursus profesional yang mengambil masa antara setahun hingga empat tahun iaitu 'The London Chamber of Commerce and Industries' (LCCI), 'The Institute of Chartered Secretaries and Administrators' (ICSA) dan 'The Chartered Association of Certified Accountant' (ACCA). Selain tiga kursus ini, I.P.B juga mengadakan program francais dengan pihak I.T.M bagi menjalankan kursus perakaunan dan kursus perniagaan. Kampus asrama I.P.B mula diduduki pada 30 Jun 1996. Ia dirasmikan pada 20 Januari 1998 oleh Y.A.B. Dato' Sri Dr. Mahadir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Kampus lama I.P.B ialah di Wisma Awal, Kg. Bahru Kuala Lumpur. Terdapat 3 bangunan asas I.P.B, iaitu bangunan pentadbiran di mana semua kelas, pejabat dan perpustakaan ditempatkan dan dua bangunan asrama yang menempatkan pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Masalah-Masalah

Masalah-masalah pelajar yang dinyatakan di dalam kajian ini adalah merujuk kepada tiga kategori utama iaitu masalah pembelajaran/akademik, masalah sosial dan masalah peribadi. Masalah-masalah ini berkisar tentang cara hidup seorang pelajar itu di dalam menjalani kehidupan sehariannya.

Kursus Profesional

Ia merujuk kepada salah satu kursus profesional asas yang ditawarkan di institusi ini iaitu 'The London Chamber of Commerce & Industry' (LCCI). Kursus ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang layak sahaja dan pelajar-pelajar ini perlu membuat permohonan serta perlu melalui sessi temuduga untuk melayakkan diri di dalam kursus ini. Kelayakan umum yang ditetapkan oleh institusi ini ialah Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan 5 kredit termasuk matapelajaran English dan Matematik.

Tahun Satu

Tahun satu di sini bermaksud tahun pertama seseorang pelajar itu mengambil kursus profesional yang tertentu. Ia tidak bermaksud tahun persediaan atau dikenali sebagai 'Pre-Course'. Purata umur pelajar-pelajar kajian ini adalah lebih kurang sama iaitu di antara 17 hingga 18 tahun atau secara khususnya pelajar yang selesai mengambil peperiksaan SPM.